

Headline **Pingat hargai staf perubatan**
Date **24 Aug 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **968**

Language
Page No
Article Size
Color
PRValue

Malay
30
71 cm²
Black/white
2,905



Pingat hargai staf perubatan

S UDAH tiba masanya kita menghargai usaha gigih dan sumbangan staf perubatan dalam menghadapi cabaran menangani pelbagai wabak berbahaya seperti H1N1, Aids dan sebagainya.

Anugerah seperti pingat tertinggi perlu diberi kepada mereka atas segala pengorbanan mereka berada di barisan hadapan menangani wabak berpenyakit sehingga kesihatan mereka terancam.

Mereka terpaksa menelan pelbagai kritikan ketidakpuasan hati pesakit dan keluarga pesakit di atas perkhidmatan mereka. Tidakkah terlintas di hati kita bahawa mereka juga manusia, terpaksa melayan begitu ramai pesakit pada setiap masa.

Mereka bertungkus lumus siang malam; malah mereka juga dijangkiti penyakit berbahaya ini. Tidak keterlaluan saya katakan di era negara yang aman kini, merekalah memainkan peranan penting di barisan depan mendominasi pasukan tentera.

Menyelamatkan nyawa rakyat juga seperti menyelamatkan dan mempertahankan negara.

Kerajaan juga sepatutnya melayan permintaan mereka dalam pemberian kenaikan gaji, insentif dan elaun sewajarnya seperti yang sentiasa kerajaan berikan kepada pasukan tentera.

MOHD ZAFRI
MOHD ROZHI,
Klang, Selangor.